

**TEKS UCAPAN  
YH. PROF. DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
& JASA DIKENANG PADA HARI JUMAAT, 6 JUN 2008, PUKUL 9.00 PAGI DI  
DEWAN BANKUET,  
KOMPLEKS PENTADBIRAN UTAMA, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

---

**SALUTASI**

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Berbahagia Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim,  
Pendaftar;

Yang Berbahagia Encik Zainuddin bin Othman,  
Bendahari;

Yang Berbahagia Tuan Haji Ruslan bin Che Pee,  
Ketua Pustakawan;

Yang Berbahagia Profesor-profesor,  
Dekan-dekan,  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Yang Diraikan para penerima Anugerah;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.

## **KATA PEMBUKA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, maka kita telah berkesempatan untuk bertemu dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2007 pada pagi yang mulia ini.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendaftar selaku pengelola acara kerana telah sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan majlis pada pagi ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pegawai dan kakitangan UMP yang telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada hari ini. Semoga kejayaan meraih Anugerah Perkhidmatan Cemerlang akan menyemarakkan lagi semangat, dan memotivasikan tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk terus cemerlang.

## **CULTURE OF EXCELLENCE**

4. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dalam ucapan sulung saya kepada pengurusan tertinggi dan ketua-ketua Pusat Tanggungjawab di Universiti ini pada 26 Mei 2008 yang lalu, saya telah menyatakan bahawa amalan kerja yang berasaskan nilai (value-based), berfokuskan strategi (strategy-focused) dan berpandukan prestasi (KPIs-driven) menjadi pendekatan saya untuk tempoh tiga tahun yang akan datang.

5. Ketiga-tiga prinsip yang saya sebutkan di atas adalah amat penting dalam konteks pembentukan budaya kecemerlangan atau *culture of excellence* dalam perkhidmatan kita sebagai penjawat awam di Universiti ini. Pembentukan *a culture of excellence* ini haruslah dimulakan pada peringkat awal lagi, supaya ia berkesinambungan sebagai suatu tradisi di Universiti ini.

6. Pembinaan *culture of excellence* dalam amalan kerja seharian dan seterusnya dijadikan sebagai suatu tradisi merupakan satu cabaran yang memerlukan perhatian kita semua. Sebagai penjawat awam, kita seharusnya mampu menterjemah apa yang dihasratkan melalui Gerakan Budaya Cemerlang dalam perkhidmatan awam yang telah dilancarkan oleh kerajaan sejak tahun 1989.
7. Di dalam majlis di mana kita meraikan kecemerlangan warga UMP kita, izinkan saya mengimbas agenda kecemerlangan negara. Dalam amanat beliau pada 15 Februari 2007, Yang Berbahagia Tan Sri Mohd. Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara telah menggariskan 13 nilai penting untuk dihayati oleh para penjawat awam bagi melahirkan budaya kerja yang cemerlang. Nilai-nilai tersebut ialah:
- Mengamalkan prinsip "**just do it**" (tanpa ragu-ragu dan berdolak-dalik);
  - Mengamalkan prinsip menentukan "**deadline**" iaitu tarikh siap kerja dalam semua tugas – satu disiplin yang diutamakan oleh mereka yang sibuk;

- Senantiasa menepati masa (**punctual**) dan menghargai masa;
- Menetapkan pegawai secara spesifik bertanggungjawab atas sesuatu tugas – *take ownership*;
- Memantau secara rapi setiap projek – budaya mengawal;
- Membentuk "**mind set**" kepada berkata "yes", lulus, membantu dan memudahkan urusan pelanggan dan tidak sebaliknya – sikap positif;
- Tegass menguatkuasakan undang-undang dan peraturan "**without fear and favour**" – mengutamakan kepentingan organisasi mengatasi kepentingan peribadi;
- Tiada tolak ansur dalam integriti;
- Ketua-ketua jabatan mengamalkan sistem "**reward and punishment**";
- Mengamalkan sikap terbuka dan telus dalam setiap tindakan;
- Ketua-ketua jabatan mengamalkan pimpinan melalui teladan – "**walk our talk**";
- Senantiasa dan berterusan mengadakan mesyuarah atau "**consultation**" dengan pelanggan – dapat membangunkan perasaan kepunyaan;
- Senantiasa membuka minda untuk usaha-usaha penambahbaikan supaya proses kerja akan lebih mudah dan cepat dan kerap **merekayasa (reengineering a better way of doing things)** – melalui pembacaan berterusan.

8. Bagi membina Universiti Malaysia Pahang sebagai sebuah Universiti yang cemerlang, saya dan tuan/puan perlu bergerak

dalam nada dan rentak yang sama, bekerja sebagai sebuah pasukan dengan *esprit de corps* yang tinggi. Dengan kepelbagaian kepakaran dan latar belakang, saya percaya kita mampu menatijahkan **hasil yang luar biasa** untuk Universiti ini. Ini adalah kerana *when synergy drives a team, the team synergizes others*. Itulah harapan saya untuk seluruh warga kerja Universiti ini.

### **SIGNIFIKAN MAJLIS**

9. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya berharap, kejayaan para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada pagi ini akan menjadi inspirasi kepada warga kerja UMP yang lain untuk terus memacu prestasi dan meningkatkan kualiti. Setiap usaha yang dijalankan dengan niat dan ikhlas, dan dilaksanakan dengan telus di atas asas akauntibiliti sewajarnya menerima pengiktirafan dan penghargaan. Prinsip profesionalisme dan

akauntibiliti adalah teras utama kepada keberkesanan dan kecekapan organisasi.

10. Pada kesempatan ini juga, saya bagi pihak seluruh warga kerja Universiti Malaysia Pahang merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan Selamat Bersara kepada Yang Diraikan Tuan Haji Samsudin bin Abdullah. Saya percaya, persaraan Tuan Haji Samsudin bin Abdullah adalah suatu kehilangan kepada Universiti ini. Perkhidmatan beliau selama 33 tahun sebagai penjawat awam sejak tahun 1975, serta sumbangan yang telah beliau berikan sepanjang perkhidmatan dengan organisasi kita ini adalah amat bernilai dan tiada terbalas dengan wang ringgit. Semoga Allah Taala terus merahmati dan memberkati penghidupan Tuan Haji Samsudin bin Abdullah sekeluarga dunia dan akhirat.

## **KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN**

11. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan kepada saya untuk berucap pada pagi ini. Semoga Universiti kita akan terus bergerak maju dan warganya sentiasa dinaungi peliharaan Allah Taala. Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti Malaysia Pahang bagi tahun 2007.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.